

Headline	Bank Islam menang anugerah sempena GIFA		
MediaTitle	Kosmo		
Date	06 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	52	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	190 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,436
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,308



## Bank Islam menang anugerah sempena GIFA

**KUALA LUMPUR** - Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) telah memenangi anugerah Contoh Institusi Kewangan Islam Terbaik 2014 sempena Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) di Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini.

Anugerah berkenaan diberikan kepada bank tersebut ekoran amalan baik yang diketenghkannya selama ini.

Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat berkata, pihaknya berbesar hati dengan pengiktirafan tersebut dan ia juga dilihat sebagai bukti usaha berterusan bank itu mengubah landskap kewangan Islam ke arah yang lebih baik.

"Sejak bermulanya transformasi Bank Islam pada tahun 2007, kami telah mencatat kemajuan yang memuaskan dan ketara dalam mencapai cita-cita untuk menjadi pemimpin global dalam perbankan Islam.

"Anugerah ini turut menjadi satu pengiktirafan kepada kakitangan Bank Islam yang telah bekerjasama dan menunjukkan komitmen bagi memastikan kami berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat syarikat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Bank Islam turut menerima Anugerah Pedagang Terbaik daripada Malaysian Electronic Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) di atas prestasi memberang-

sangkan yang dicapainya ekoran mencatat pertumbuhan lebih daripada 15 peratus dalam volum transaksi berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah pedagang Bank Islam kini telah meningkat sebanyak 10 kali ganda berbanding tahun 2012.

Anugerah tersebut telah disampaikan kepada Ketua Pegawai Operasi Bank Islam, Norasni Ayob pada majlis Anugerah Pengiktirafan Bank dan Saudagar Terbaik di sini baru-baru ini.

**BANK ISLAM**



ZUKRI menerima anugerah daripada Pengarah Pembangunan Polisi dan Kajian, Institut Kewangan Asia, Dr. Wan Nursofiza Wan Azmi di UAE baru-baru ini.